

## PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : HARIAN METRO  
SECTION : BISNES  
PAGE : 30  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

Selasa 01.10.2019 | **Harian Metro**

# Bisnes



## Komitited pulih LTAT

Oleh Nabil Basaruddin  
nabil.basaruddin@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**engurusan baharu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) komited memperkuatkan se-terusnya memulihkan tabung khusus untuk Angkatan Tentera Malaysia itu menerusi transformasi merangkulmi enam teras utama.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nik Amlizan Mohamed berkata, teras utama itu adalah visi dan misi baharu LTAT, tadbir urus korporat, pengurusan berkepentingan strategik, meningkatkan pelaburan, memperbaiki infrastruktur dan pengurusan bakat.

Beliau berkata, transformasi itu membabitkan pelan lima tahun dalam memperbaiki dan memulihkan kembali pengurusan tabung itu khususnya dari segi tadbir urus korporatnya.

Menurutnya, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi memastikan segala tindakan dapat memberi pulaungan kepada ahli yang terdiri daripada kalangan pegawai tentera di negara ini.

"Bagi melicinkan lagi kecekapan tabung ini, kami buat pertama kali akan mewujudkan Jabatan Perundungan dan Kesetiausahaan, Jabatan Sumber Manusia dan melantik Ketua Pegawai Pelaburan.

"Sebelum kami memberi penumpuan terhadap pelaburan dalam ma-hupun luar negara, perkara utama perlu dilakukan adalah untuk memperbaiki tutukan keadaan tadbir urus ini.

NIK Amlizan

"Seferusnya kami akan melihat peruntukan aset strategik dan perkara lain seperti pelaburan bagi hasil lebih baik kepada ahli LTAT," katanya pada sidang media pengumuman prestasi kewangan 2018 bagi LTAT di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus LTAT, Jeneral Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin.

LTAT merekodkan pendapat bersih (belum diaudit) sebanyak RM221 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang menyaksikan penurunan ketara 51.9 peratus berbanding RM459.5 pada 2017.

Selain itu, LTAT mencatatkan keuntungan RM38.7 juta bagi tahun kewangan sama berbanding

"Seferusnya kami akan melihat peruntukan aset strategik dan perkara lain seperti pelaburan bagi hasil lebih baik kepada ahli LTAT," katanya pada sidang media pengumuman prestasi kewangan 2018 bagi LTAT di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus LTAT, Jeneral Tan Sri Dr Mohd Zahidi Zainuddin.

LTAT merekodkan pendapat bersih (belum diaudit) sebanyak RM221 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang menyaksikan penurunan ketara 51.9 peratus berbanding RM459.5 pada 2017.

Setakat 31 Disember 2018, aset di bawah pengurusan LTAT berjumlah RM9.4 billion.

Sementara itu, Mohd Zahidi mengumumkan dividen dua peratus untuk ahlinya bagi tahun kewangan berakhir 2018, dengan jumlah agihan RM161.2 juta yang akan diagihkan kepada ahli, minggu ini.

Beliau berkata, penurunan ketara pendapatan LTAT bagi tahun kewangan 2018 disebabkan pelbagai faktor sejak dua tahun kewangan lalu.

"LTAT kini berada di bawah pengurusan baharu dan percaya pelan transformasi akan meletakkan LTAT dalam kedudukan lebih baik bagi memanfaatkan peluang pelaburan menguntungkan. seterusnya memberi nilai terbaik kepada ahli," katanya.